

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN (SEMBRONG)**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan tender terbuka bagi pembekalan dan penyelenggaraan aset untuk mengurangkan kos penyelenggaraan aset; dan
- (b) apakah kesannya kepada keupayaan Kementerian untuk mengoptimumkan kepakaran pengeluar Original Equipment Manufacturer (OEM) aset dalam penyelenggaraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah mula melaksanakan perolehan pembekalan dan penyenggaraan aset secara tender terbuka selaras dengan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dan tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa serta sejajar dengan arahan Kementerian Kewangan pada tarikh 29 Jun 2018, berkenaan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan.

Perolehan pembekalan dan penyenggaraan aset secara tender terbuka tidak akan menyekat pihak Kerajaan untuk melaksanakan kontrak dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM). Dalam masa yang sama, perolehan secara tender terbuka memberi perkembangan yang positif kepada Kementerian dari aspek peningkatan kepakaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), hasil daripada *Transfer of Technology* (ToT) dan *Transfer of Knowledge* (ToKH), yang diperoleh melalui program *Industrial Collaboration Programme* (ICP).